



Panorama indah Abu Dhabi pada waktu malam.



Abu Dhabi kota pelancongan

SUATU ketika dulu, jika disebut Abu Dhabi, ramai yang keliru antara ibu negara Emiriah Arab Bersatu (UAE) dengan Adcis Ababa, ibu negara Habsyah.

Tidak kurang juga yang tidak pasti di mana lokasinya biarpun mengetahui ia terletak di Asia Barat. Sejarah kedudukannya sebagai ibu kota UAE yang merangkumi 70 peratus keluasan kawasan, Abu Dhabi sudah lama berusaha untuk keluar daripada bayangan negara jirannya seperti Arab Saudi dan Oman yang begitu menyerlah.

Kemasukan pegawai dagang asing yang kerap ke Dubai untuk mengecapi kehidupan bebas culai dan simaran matahari sepanjang tahun, turut meningkatkan reputasi bandar raya ini sebagai kota yang amat berpengaruh. Sudah pasti, dengan pembangunan pesat menerusi pelaburan melebihi RM360 bilion di ibu negara ini selama beberapa tahun, tidak mustahil Abu Dhabi bakal muncul antara lokasi terkenal di dunia.

Bersempadankan Arab Saudi dan Oman, UAE mewakili tujuh emiriah. Jika disoroti sejarahnya sejak 35 tahun lalu, Abu Dhabi juga emiriah terbesar, pada asalnya hanyalah padang pasir. Tetapi kini, landscape ekonomi dan visualnya sudah berubah pesat.

Perjalanan menyusuri jalan rayanya memberikan pengalaman yang sungguh mengasyikkan. Gabungan unsur moden yang diselang seli dengan unsur tradisional iaitu Timur Bertembang Barat, membolehkan pengunjung membuat pilihan seperti mencuba kopi Arab yang



Antara kedai barangan berjenama di Abu Dhabi.

beraroma di kafe kecil tempatan atau menyeberang jalan untuk menikmati 'skinny latte' di kafe jenama asing popular.

Tidak cukup dengan itu, deretan bangunan hotel pencakar langit sebegitu banyak dan lebih dominan berbanding kubah masjid yang tidak kurang indahnya. Jika diamati, deretan bangunan bank dan kedai emasnya yang diselaputi debu, hanya mengingatkan kita terhadap asal usul sebenar Abu Dhabi iaitu sebuah kawasan padang pasir.

Gabungan pakaian tradisional dan moden, turut menjadi tarikannya. Kegemaran masyarakat tempatan mengenakan kandooras

dan abayas, (pakaian tradisional lelaki dan wanita) bukanlah penghalang kewujudan premis menjual pakaian jenama Barat seperti Mark & Spencer serta Marc Jacobs.

Ironinya di sebalik deretan butik jenama asing ini, kebanyakan brosur pelancongan memaparkan 'Selamat datang ke Abu Dhabi, yang mana gaya dan kemewahan digabungkan dengan nilai tradisional yang mencipta pengalaman percutian lain daripada yang lain.'

Berasaskan gabungan moden dan tradisional ini, pusat beli-belah di Abu Dhabi juga tidak ketinggalan memaparkan ciri kebudayaan setempat. Ini sebenarnya memberi pelancong pengalaman ekspedisi seperti mencari permaidani antik bermutu tinggi di pasar dan bazar tradisional atau memilih rekaan perhiasa sedia ada pedung ultra moden atau butik.

Ia juga menepati kedudukan Abu Dhabi sebagai pusat bagi kebanyakan jenama berprestij dunia serta pusat jual beli bagi insan seni yang menghasilkan seni dan kraf bermutu tinggi.

Percutian tidak hanya bertumpu kepada kegiatan beli-belah, tetapi juga aktiviti lain yang tidak kurang menariknya. Malah ramai yang tidak tahu Abu Dhabi adalah gugusan kepulauan

yang mana hampir 200 pulau berada di sepanjang perairannya. Ini bermakna lawatan ke pulau ialah aktiviti masa lapang yang popular di kalangan penduduknya yang kaya raya serta memiliki bot sendiri. Bagi yang tidak memilikinya, ia bukan satu masalah kerana pengangkutan awam ada disediakan.

Pulau Saadiyat di timur Corniche, kini dijadikan pusat pelancongan mewah dan destinasi kebudayaan selain menjadi mercu tanda dua buah muzium paling terkenal di dunia yang masih dalam pembinaan. Guggenheim Abu Dhabi yang direka oleh arkitek tersohor dunia, Frank Gehry yang merah populariti melalui rekaannya Guggenheim Bilbao (Sepanyol), bakal menjadi yang terbesar di dunia, menampilkan seni moden kontemporari.

Louvre Abu Dhabi pula gah dengan beberapa galeri seluas 6,000 kaki persegi untuk tatapan kekal dengan tambahan 2,000 kaki persegi untuk pameran sementara. Louvre Abu Dhabi yang direka oleh Jean Nouvel, akan memamerkan artifak penting dan hasil kerja teknologi iaitu seni halus dan gubahan. Guggenheim Abu Dhabi dijangka dibuka pada 2011, manakala Louvre menyusuli setahun kemudian.



Satu daripada destinasi pelancongan di Abu Dhabi.

Info
Abu Dhabi
Terletak di kawasan

Syurga padang pasir

Abu Dhabi yang asalnya kawasan gurun beri kepuasan melancong dan beli-belah

muka 23

